



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL
MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

BERSAMA

PEMBUKAAN AEON
TAMAN MALURI SHOPPING CENTRE

PADA

21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

TEMPAT

CENTRE COURT
AEON TAMAN MALURI SHOPPING CENTRE

Assalamualaikum W.B.T dan Salam Sejahtera

SALUTASI

YBhg Datuk Muez bin Abdul Aziz

Ketua Setiausaha KPDNHEP

YBhg Datuk Iskandar bin Saruddin

Pengerusi AEON CO. (M) BHD.

Shinobu Washizawa

Pengarah Urusan, AEON CO. (M) BHD.

Abdul Yazid Kassim, Ketua Pegawai Eksekutif

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp)

Abdul Hadi Amran, Ketua Pegawai Eksekutif

Rapid Rail Sdn Bhd

Pengurusan Kanan AEON CO. (M) BHD.

Rakan-rakan Media

Hadirin yang dihormati sekalian.

ALUAN

1. Terlebih dahulu saya amat berbesar hati kerana dijemput hadir untuk merasmikan upacara Pembukaan Semula AEON Taman Maluri pada pagi ini.
2. Tahniah kepada pihak AEON CO. (M) BHD. yang berjaya **mengubahsuai pasaraya ini dengan wajah baharu yang serba moden, serta menampilkan AEON STYLE yang pertama di Malaysia.** Khidmat pelanggan dan susun atur produk dipertingkatkan untuk memberi pengalaman membeli belah optimum terhadap para pengunjung.
3. Saya difahamkan transformasi besar-besaran yang meliputi proses menaik taraf dan juga penambahan ruang telah mengambil masa hampir dua tahun untuk disiapkan.
4. AEON merupakan satu jenama yang kian berkembang, selaras dengan industri peruncitan di negara kita. **AEON Taman Maluri yang dahulunya dikenali sabagai Jaya Jusco merupakan 'SuperStore' Jepun pertama yang diperkenalkan 30 tahun yang lalu.**
5. **AEON CO. (M) BHD. mempunyai 28 pusat membeli belah, 34 stor, 6 Pasaraya MaxValu Prime, 68 farmasi 'AEON Wellness' dan 40 cawangan Daiso harga-tetap.**

6. Perkembangan pesat AEON ini **berjaya menyediakan peluang pekerjaan kepada lebih 10,000 individu di seluruh Malaysia.** Kepakaran AEON dalam industri peruncitan melihat kerjasama di antara Jepun dan Malaysia selama 35 tahun tetap utuh.
7. Pada masa itu, ia merupakan satu-satunya pasaraya di Cheras yang menjadi tumpuan orang ramai. 'SuperStore' itu kemudian berubah seiring peredaran masa menjadi Pusat Membeli Belah. Pada hari ini, AEON Taman Maluri merupakan satu mercu tanda yang terkenal di Cheras, yang kian berkembang selaras dengan kemajuan di kawasan persekitarannya.
8. Selepas pengubahsuaian dilakukan, **AEON Taman Maluri** mempunyai banyak kelebihan dan kemudahan. Kemudahan pengangkutan awam seperti MRT Taman Maluri merupakan salah satu keistimewaan yang memudahkan pelanggan untuk datang ke sini dan ini dapat menjimatkan masa serta kos pengguna.
9. Selain itu, medan selera yang terdapat di dalam AEON ini juga mempunyai lebih banyak pilihan makanan yang lazat. Kemudahan lain yang disediakan ialah tempat duduk khas untuk wanita, kaunter pembayaran untuk wanita hamil, surau yang menyediakan 7 warna telekung yang ditukar setiap hari untuk keselesaan pelanggan dan juga kemudahan bilik mandi.
10. Pusat Membeli-belah AEON Taman Maluri merupakan pusat membeli-belah pertama di Malaysia dan Asia Tenggara yang mempersembahkan konsep AEON STYLE. AEON Style ini terdiri daripada beberapa bahagian seperti bahagian kanak-kanak, tempat beristirahat yang disediakan kemudahan Wi-Fi dan sebagainya.

11. Keluasan pusat membeli belah ini telah mencecah 450,000 kaki persegi dengan kemudahan parkir sebanyak 1,578 petak. Bagi pelanggan yang datang menggunakan kenderaan sendiri, mereka tidak akan menghadapi masalah untuk mencari tempat parkir.
12. Kemudahan yang disediakan di pusat membeli belah ini bersesuaian bagi golongan remaja, dewasa, wanita serta yang telah berkeluarga. Bagi golongan yang sudah berkeluarga, ini juga merupakan salah satu daya tarikan untuk menarik mereka untuk membeli belah di sini kerana kemudahan yang telah disediakan.

Hadirin sekalian,

13. **Kedudukan AEON ini cukup strategik dengan adanya kemudahan sistem pengangkutan MRT.** Saya berpeluang menaiki MRT dari stesen Taman Suntex untuk datang ke sini dan perjalanan hanya mengambil masa sekitar 15 minit untuk sampai ke stesen MRT AEON Maluri. Perjalanannya juga sangat selesa dan mudah.
14. Saya percaya dengan adanya **kemudahan MRT yang menghubungkan dari Kajang ke Sungai Buloh ini, berupaya meningkatkan bilangan pengunjung ke AEON Taman Maluri.** Selain itu, para pengunjung juga dapat menikmati keselesaan menaiki sistem pengangkutan LRT yang menghubungkan dengan AEON Taman Maluri. Sekiranya, anda ingin datang ke AEON Taman Maluri, saya sarankan untuk menggunakan perkhidmatan MRT atau LRT yang sedia ada dan alami sendiri perjalanannya.

15. Selaras dengan perkembangan pelbagai pasaraya dan pusat membeli belah, kerajaan sentiasa memantau dan mengalakkan penyediaan barangan berjenama sendiri atau *house brand* dan juga produk keluaran tempatan.
16. AEON CO. (M) BHD. juga terlibat dalam mempromosikan Kempen Beli Barangan Malaysia dengan mempamerkan barangan buatan tempatan di rak-rak yang terdapat di dalam pasaraya. Pelbagai barangan buatan tempatan yang dijual di pusat membeli belah ini. Ini merupakan salah satu usaha untuk menggalakkan pembelian barangan buatan Malaysia.
17. Ini sekaligus berupaya **membantu mengatasi kos sara hidup rakyat dan juga memberi peluang kepada industri tempatan untuk berkembang**. AEON tidak terkecuali menyokong industri tempatan dengan memasarkan barangan keluaran tempatan, pada masa sama mempunyai produk keluaran sendiri jenama TopValu yang menawarkan harga berpatutan dan berkualiti.
18. Dengan wujudnya AEON di Malaysia, ini turut mencerminkan komitmennya untuk terus menyumbang ke arah industri peruncitan dan juga aset ekonomi negara. Ia juga sekaligus menjadi pemangkin ke arah membangunkan modal insan.
19. AEON CO. (M) BHD. juga terlibat dengan program Foodbank dengan menyalurkan bantuan makanan kepada golongan sasaran bagi membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat. Pihak AEON menyambut baik program ini kerana ia dapat membantu untuk mengurangkan pembaziran makanan. Saya berharap agar usaha ini dapat diteruskan dalam membantu golongan yang memerlukan.

20. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada AEON CO. (M) BHD sekali lagi dan mengalu-alukan kehadiran lebih banyak lagi pusat membeli belah di negara kita untuk terus membantu ekonomi Malaysia.

21. Saya dengan lafaz Bismillahhirahmanirrahim, **melancarkan Pembukaan AEON Taman Maluri Shopping Centre** dengan wajah baharu ini.

Sekian, terima kasih.